

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: KEUTAMAAN DAN KERANGAN DALAM PENGURUSAN TANAMAN SAWIT YANG  
DIHADAPI OLEH PERUBAH KECIL SAWIT DI OARAH PITAS, SABAH

IJAZAH: IJAZAH SARJANA MUDA SAINS PERTANIAN DENGAN KEPUJIAN

SAYA: NORLIN BUNAWAU SESI PENGAJIAN: 09/10 - 12/13  
 (HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis \* (LPSM/Sarjana/Doktor-Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumta yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana Penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

PERPUSTAKAAN  
 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh:

*Nuraini Binti Ismail*  
 NURAINI BINTI ISMAIL  
 LIBRARIAN  
 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

*Gulf*  
 (TANDATANAN PENULIS)

*JR Abdul Rahim Ein Awang*  
 (TANDATANAN PENYELIHA)

Alamat Tetap:  
S. K. SAHABATI PITAS,  
P/S 130-89108,  
KOTA MARUDU, SABAH

**JR ABDUL RAHIM EIN AWANG**  
 Pensyarah / Penasihat Akademik  
 Sekolah Pertanian Lestari  
 Universiti Malaysia Sabah  
 (NAMA PENYELIHA)

Tarikh: 03/11/2013

Tarikh: 23/01/2013

Catatan: - \* Potong yang tidak berkenaan.  
 \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak yang berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.  
 Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



**KEUTAMAAN DAN KEKANGAN DALAM PENGURUSAN TANAMAN  
SAWIT YANG DIHADAPI OLEH PEKEBUN KECIL  
SAWIT DI DAERAH PITAS, SABAH**

**NORLIN BUNAWAU**

**PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA  
SAINS PERTANIAN DENGAN KEPUJIAN**

**PROGRAM PENGELUARAN TANAMAN  
SEKOLAH PERTANIAN LESTARI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2012**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PERAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Saya juga mengakui bahawa disertasi ini tidak pernah atau sedang dihantar untuk perolehi ijazah dari universiti ini atau mana universiti yang lain.



Norlin Bunawau


BR09110025

Tarikh: 23 Januari 2013

**DIPERAKUKAN OLEH**

1. Dr. Abdul Rahim bin Awang

PENYELIA




*Tandatangan dan cop*

**DR. ABDUL RAHIM BIN AWANG**  
Pensyarah / Penasihat Akademik  
Sekolah Pertanian Lestari  
Universiti Malaysia Sabah

2. En. Assis bin Kamu

PEMERIKSA



*Tandatangan dan cop*

**ASSIS BIN KAMU**  
Lecture / Academic Advisor  
School Of Sustainable Agriculture  
Universiti Malaysia Sabah

3. Cik Shahida binti Mohd Sharif

PEMERIKSA




*Tandatangan dan cop*

**SHAHIDA BINTI MOHD. SHARIF**  
LECTURER/ACADEMIC ADVISOR  
SCHOOL OF SUSTAINABLE AGRICULTURE  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

4. Dr. Sitti Raehanah binti Muhamad Shaleh

DEKAN SEKOLAH PERTANIAN LESTARI



*Tandatangan dan cop*

**DR. SITTI RAEHANAH MUHAMAD SHALEH**  
DEKAN  
SEKOLAH PERTANIAN LESTARI  
UMS KAMPUS SANDAKAN



## PENGHARGAAN

Salam sejahtera saya ucapkan. Syukur kepada Tuhan kerana berkat rahmatNya, saya berjaya menyiapkan tugas projek tahun akhir ini. Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia, Dr. Abdul Rahim Awang kerana banyak membantu, membimbing dan memberi tunjuk ajar sepanjang tempoh menyiapkan tugas ini. Tidak lupa juga kepada teman-teman seangkatan yang banyak berkongsi maklumat, tunjuk ajar dan memberikan semangat semasa proses penyediaan tugas ini. Terima kasih saya ucapkan. Kepada ibu bapa saya, Pn. Maslinah Majinan dan En. Bunawau Maun serta keluarga, terima kasih di atas sokongan, bantuan dan nasihat yang diberikan. Di kesempatan ini juga saya ingin sekali lagi merakamkan jutaan terima kasih kepada responden yang telah terlibat memberikan kerjasama dengan memberikan tindak balas terhadap borang kaji selidik yang diberikan terutama sekali kepada En. Johnny Majinan, En. Jumin Maratin dan En. Masdin Insiran serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung semasa proses penyediaan tesis ini. Akhir kata, segala kerjasama yang diberi hanya dapat dibalas dengan ucapan jutaan terima kasih dan hanya Tuhan yang mampu membalas segalanya dan saya hanya boleh buat yang terbaik untuk disertasi ini. Sekian, terima kasih.

## Abstrak

Kajian ini telah dijalankan di tiga buah kampung yang terletak dalam Zon Satu, Daerah Pitas. Lokasi kajian dipilih melalui saranan pihak Jabatan Pertanian memandangkan ketiga-tiga kampung tersebut mempunyai pekebun kecil yang paling ramai dan aktif. Seramai 35 orang pekebun kecil yang merupakan jumlah keseluruhan pekebun kecil di lokasi kajian telah terlibat dengan kajian ini. Objektif utama kajian adalah untuk mengetahui keutamaan dan kekangan yang dihadapi oleh pekebun kecil sawit di daerah ini dalam pengurusan tanaman sawit serta hubungannya dengan maklumat latar belakang pekebun kecil sawit. Kajian ini dilakukan kerana belum ada kajian serupa yang dilaksanakan di daerah ini dan hasil kajian berperanan penting terhadap pembangunan program bantuan untuk meningkatkan produktiviti tanaman pekebun kecil. Kajian menggunakan kaedah tinjauan keratin rentas. Pengumpulan data untuk kajian ini adalah melalui pengedaran borang kaji selidik kepada 35 orang pekebun kecil sawit dan data yang telah diperolehi dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi menerusi perisian SPSS versi 20. Kajian menunjukkan bahawa walaupun tahap keutamaan pekebun kecil terhadap aspek-aspek yang perlu diutamakan hampir sama tetapi dapat disimpulkan bahawa aspek yang paling menjadi keutamaan mereka adalah, sumber untuk mendapatkan benih sawit berkualiti, sumber kewangan untuk menambahkan keluasan tanaman, peningkatan taraf kemudahan infrastruktur, sumber untuk mendapatkan input pertanian dan akses terhadap tanah. Bagi aspek kekangan pula, hasil kajian menunjukkan bahawa aspek masalah pemilikan tanah, hasil sawit yang rendah, kurang sokongan dari kerajaan, gaji pekerja yang tinggi dan kurang akses terhadap mesin dan peralatan berada di lima kedudukan teratas. Aspek-aspek ini dipersetujui oleh mereka sebagai penghalang utama jika dibandingkan dengan aspek lain yang telah disenaraikan. Dari segi hubungan, terdapat hubungan bererti antara aspek-aspek keutamaan dan umur tetapi tidak ada hubungan bererti antara umur dan aspek-aspek kekangan. Bagi aspek kekangan, kajian mendapati hanya pengalaman pekebun kecil yang mempunyai hubungan bererti dengan kekangan yang dihadapi oleh pekebun kecil dalam pengurusan tanaman sawit.

# **PRIORITIES AND CONSTRAINTS IN OIL PALM CROP MANAGEMENT FACED BY OIL PALM SMALLHOLDERS IN PITAS DISTRICT, SABAH**

## **Abstract**

*A study was conducted at three villages located in Zone One of Pitas District, Sabah. Research location was chosen as recommended by the Sabah Department of Agriculture in Pitas since these selected villages had the highest number of oil palm smallholders. These villages were also said to be the most active in this zone. The total number of oil palm smallholders in this location was 35 persons and all of them were chosen as respondents for this study. The main objectives of this study were to identify the priorities and constraints in oil palm management faced by oil palm smallholders in this district and their relationships with the oil palm smallholders. The data were collected using questionnaires and analysed with descriptive and inferential statistics through SPSS version 20.0 software. This study found that smallholders' main priorities were the source of improved oil palm seedling, access to credit to increase the farm sizes, improvement of infrastructure facilities, source for enough agriculture inputs and access to land. All these five aspects became the main priorities if compared to the others listed. Meanwhile, the study also found that land ownership and status, low oil palm yield, lack of government support, high labour wages and lack of access to improved machine and tools were the main constraints among others constraints. Overall, the oil palm smallholders in Pitas District were not really interested in any aspects related to machinery and access to marketing information. Only ages had a significant difference with the smallholders' priorities, but ages did not have a significant difference with the constraints faced by smallholders. This study also found that only smallholders' farming experience had the significant difference with the constraints faced by smallholders in oil palm crop management.*

## ISI KANDUNGAN

Kandungan	Muka Surat
<b>TAJUK KAJIAN</b>	i
<b>PERAKUAN</b>	ii
<b>DIPERAKUKAN OLEH</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI SIMBOL, UNIT, SINGKATAN</b>	x
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah dan Kepentingan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Soalan Kajian	4
<b>BAB 2 ULASAN KEPUSTAKAAN</b>	6
2.1 Sawit ( <i>Elaeis guineensis</i> )	6
2.2 Ciri- ciri Pekebun Kecil Sawit	7
2.3 Sumber Maklumat Tentang Pengurusan Penanaman Sawit	9
2.4 Aspek yang Menjadi Keutamaan Para Pekebun Kecil Dalam Pengurusan Tanaman sawit	9
2.5 Kekangan-Kekangan Yang Dihadapi oleh Para Pekebun Kecil Sawit	10
2.6 Hubungkait Antara Latar Belakang Pekebun Kecil Sawit dan Aspek Keutamaan Serta Kekangan	12
<b>BAB 3 METODOLOGI</b>	13
3.1 Lokasi Kajian	13
3.2 Populasi dan Sampel Kajian	13
3.3 Reka Bentuk Kajian	13
3.4 Instrumen Kajian	14
3.4.1 Maklumat Latar Belakang Responden	14
3.4.2 Perkara-Perkara yang Menjadi Keutamaan Pekebun Kecil dalm Pengurusan Tanaman Sawit	15
3.4.3 Kekangan-Kekangan yang Dihadapi dalam Pengurusan Tanaman Sawit	15
3.5 Prosedur Kajian	16
3.5.1 Tinjauan Awal Lokasi Kajian	16
3.5.2 Pembentukan Instrumen Kajian	17
3.5.3 Mendapatkan Kesahihan Instrumen Kajian	17
3.5.4 Menjalankan Kajian Rintis	17
3.5.5 Mendapatkan Kebolehanpercayaan Soalan Kajian	18
3.5.6 Modifikasi Instrumen Kajian dan Pengumpulan Data	18



3.6 Analisis Data	18
<b>BAB 4 KEPUTUSAN</b>	20
4.1 Pengenalan	20
4.2 Statistik Deskriptif	20
4.2.1 Maklumat Demografi Pekebun Kecil Sawit di Daerah Pitas	20
4.2.2 Maklumat latar belakang ladang sawit pekebun kecil sawit di Daerah Pitas	21
4.2.3 Maklumat Aspek-aspek yang Menjadi Keutamaan Para Pekebun Kecil Sawit di Daerah Pitas Dalam Pengurusan Tanaman Sawit	23
4.2.4 Maklumat Mengenai Kekangan yang Dihadapi Oleh Para Pekebun Kecil Sawit di Daerah Pitas Dalam Pengurusan Tanaman Sawit	24
4.3 Hubungan Antara Latar Belakang Pekebun Kecil Sawit dan Keutamaan serta Kekangan yang Dihadapi oleh Mereka	25
4.3.1 Ujian Korelasi <i>Spearman's rank</i>	25
4.3.2 Ujian <i>Kendall's tau</i>	26
<b>BAB 5 PERBINCANGAN</b>	27
5.1 Ciri-Ciri Pekebun Kecil Sawit di Daerah Pitas	27
5.2 Maklumat Latar Belakang Ladang Sawit Pekebun Kecil di Daerah Pitas	28
5.3 Keutamaan Para Pekebun Kecil Sawit di Daerah Pitas dalam Pengurusan Tanaman Sawit	31
5.4 Kekangan Yang Dihadapi oleh Para Pekebun Kecil Sawit di Daerah Pitas dalam Pengurusan Tanaman	33
5.5 Hubungkait Antara Latar Belakang Pekebun Kecil Sawit dan Kutamaan serta Kekangan yang Dihadapi dalam Pengurusan Tanaman Sawit	35
<b>BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	36
6.1 Kesimpulan	36
6.2 Cadangan	38
6.3 Masalah Dalam Kajian	38
<b>RUJUKAN</b>	39
<b>LAMPIRAN</b>	42

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Pengertian bagi skala Likert yang telah digunakan.	32
4.1	Maklumat latar belakang pekebun kecil sawit yang terlibat dalam kajian	40
4.2	Maklumat latar belakang ladang sawit pekebun kecil sawit di Daerah Pitas	42
4.3	Min dan kedudukan aspek-aspek yang menjadi keutamaan dalam pengurusan tanaman sawit	46
4.4	Min dan kedudukan aspek-aspek kekangan yang dihadapi oleh para pekebun kecil sawit di Daerah Pitas dalam pengurusan tanaman sawit	47
4.5	Ujian korelasi <i>Spearman's rank</i> bagi umur	47
4.6	Ujian <i>Kendall's tau</i> bagi pengalaman, bilangan tanggungan dan keluasan ladang	48

## RUJUKAN SENARAI SIMBOL, UNIT DAN SINGKATAN

BTS	Buah Tandan Segar
ha	Hektar
IPT	Institut Pendidikan Tinggi
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KPKK	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
<i>MPOB</i>	<i>Malaysia Palm Oil Board</i>
<i>NKEA</i>	<i>National Key Economic Area</i>
<i>NGO</i>	<i>Non-Government Organization</i>
PPOM	Pitas Palm Oil Mill
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
<i>RSPO</i>	<i>Roundtable on Sustainable Palm Oil</i>
<i>SPSS</i>	<i>Statistical Package for Social Science</i>
<i>SD</i>	<i>Standard Deviation</i>
<i>WB</i>	<i>World Bank</i>

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Potensi industri komoditi khususnya tanaman komoditi sawit untuk menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi negara memang tidak dapat dinafikan. Ini terbukti bila industri minyak sawit Malaysia kini merupakan penyumbang keempat terbesar kepada ekonomi negara. Malah, Malaysia juga pernah menjadi pengeluar terbesar minyak sawit mentah dunia. Walau bagaimanapun, gelaran tersebut bukan lagi milik negara meskipun tahap pencapaian dalam pengeluaran hasil minyak terus meningkat. Faktor yang dikatakan menjadi puncanya adalah keluasan tanaman yang sesuai untuk pertanian telah mencapai tahap maksimumnya. Oleh itu, satu strategi jangka panjang iaitu Bidang Ekonomi Utama Negara Minyak Sawit atau lebih dikenali sebagai 'NKEA Sawit' telah diperkenalkan sebagai strategi jangka panjang kerajaan untuk memacu ekonomi Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 (Adzmi, 2012). Dalam pelan strategi tersebut pelbagai objektif yang berkaitan dengan peningkatan hasil hiliran dan huluran sawit turut menjadi tunggak utama. Inisiatif seperti ini sangat penting untuk memajukan lagi industri minyak sawit negara dan secara tidak langsung akan mengubah taraf ekonomi masyarakat petani. Namun demikian aspek-aspek yang menjadi keutamaan dan kekangan dalam pengurusan tanaman sawit oleh pekebun kecil haruslah diketahui terlebih dahulu untuk mendapatkan hasil yang lebih berkesan.

Para pekebun kecil adalah golongan pengusaha sawit yang juga berperanan penting dalam menyumbang kepada pembangunan industri sawit di negara ini. Oleh yang demikian, golongan ini juga harus diberikan perhatian yang sewajarnya. Sehubungan dengan ini, satu kajian berbentuk soal selidik untuk mengetahui perkara-



perkara yang menjadi keutamaan para pekebun kecil sawit dalam pengurusan tanaman sawit dan juga kekangan yang dihadapi oleh golongan ini adalah amat bersesuaian untuk dilaksanakan. Kajian seperti ini dapat memberikan gambaran kepada pihak yang berkenaan mengenai aspek-aspek yang menjadi keutamaan para pekebun kecil dalam pengurusan tanaman sawit. Maklumat tersebut seterusnya dapat digunakan untuk menentukan bentuk bantuan yang perlu diutamakan. Selain itu, kajian ini kelak dapat digunakan untuk mengenalpasti kekangan yang dihadapi oleh para pekebun kecil sawit dalam pengurusan tanaman sawit. Maklumat-maklumat yang diperolehi akan dapat digunakan sebagai sumber rujukan dalam merangka pelan pembangunan kerajaan antara lain dalam memberikan kemudahan-kemudahan prasarana di kawasan terbabit.

Kajian ini telah dilaksanakan di Daerah Pitas iaitu salah satu daerah di Bahagian Kudat yang pernah dilabelkan sebagai daerah termiskin di Malaysia. Menurut data dari Pejabat Daerah Pitas, Daerah Pitas terletak kira-kira 195 kilometer dari Kota Kinabalu dan 132 kilometer dari Kudat. Daerah ini bersempadan dengan Daerah Kota Marudu di sebelah barat, Daerah Beluran dan Paitan di sebelah timur. Daerah Pitas mempunyai keluasan 141,935 hektar yang mana sebahagian besarnya sedang giat dimajukan dengan penanaman sawit dan getah (Pejabat Daerah Pitas, 2010). Daerah ini merupakan pengeluar utama getah di Sabah tetapi taraf ekonomi majoriti penduduknya masih rendah dan taraf pembangunan infrastruktur daerah ini juga masih mempunyai banyak ruang untuk diperbaiki.

Daerah Pitas masih baru dalam pengusahaan kelapa sawit. Kehadiran syarikat-syarikat besar sawit seperti syarikat Perladangan IOI Corporation Berhad dan IJM Plantation Sendirian Berhad belum ada dan setakat awal tahun 2012 hanya terdapat satu kilang untuk pengumpulan buah tandan segar (BTS) dan juga kilang pemprosesan di daerah ini iaitu Pitas Palm Oil Mill (PPOM). Ini bermakna, perusahaan sawit di daerah ini terutamanya oleh para pekebun kecil masih mempunyai peluang untuk dimajukan dan juga akan dapat memberikan perubahan taraf ekonomi daerah ini secara tidak langsung.

Dalam penanaman tanaman komoditi seperti sawit Nur Hanani (2011) menyatakan bahawa pengurusan penanaman adalah unsur yang harus diutamakan. Ini kerana aspek tersebut yang akan menentukan kejayaan perusahaan tersebut. Dalam aspek pengeluaran sawit, individu yang terlibat perlu mengetahui dengan baik aspek-

aspek pengurusan ini untuk memastikan hasil yang dikeluarkan adalah yang sepatutnya dan bukannya dengan prestasi pengeluaran yang rendah. Selain itu, perkara tersebut juga penting untuk memastikan satu sistem penanaman kelapa sawit yang lestari terhasil. Pengurusan penanaman sawit yang dinyatakan adalah daripada peringkat penyediaan tanah, tapak semeaian, penanaman, pemilihan benih untuk penanaman, pembajaan, penyelenggaraan ladang, sehinggalah kepada proses penuaian hasil, kutipan serta pengangkutan dan pemasaran.

## **1.2 Pernyataan Masalah dan Kepentingan Kajian**

Meskipun tanaman sawit masih baru di Daerah Pitas, namun ia telah menjadi salah satu daripada tanaman utama para penduduknya. Namun demikian melalui perbincangan dengan kakitangan Jabatan Pertanian Pitas di unit pengembangan (Salim, 2012) didapati bahawa para pekebun kecil menghadapi pelbagai kekangan untuk meningkatkan hasil tanaman sawit mereka. Hal ini menyebabkan pertumbuhan dan peningkatan industri tanaman sawit di daerah ini agak perlahan. Tambahan pula belum ada sebarang kajian yang dilaksanakan di daerah ini untuk mengetahui situasi sebenar yang dihadapi oleh para pekebun kecil sawit dalam pengurusan tanaman mereka. Oleh yang demikian, kajian ini adalah wajar dijalankan untuk mengetahui maklumat latar belakang pekebun kecil sawit di Daerah Pitas serta keperluan atau keutamaan yang diperlukan untuk mengatasi kekangan-kekangan yang wujud dalam pengurusan tanaman sawit. Kajian ini penting untuk mengetahui halangan ataupun cabaran-cabaran yang dihadapi oleh golongan ini serta untuk mengetahui hal-hal yang menjadi keutamaan kepada mereka dalam soal pengurusan penanaman sawit untuk pembangunan industri sawit di daerah ini.

Penemuan-penemuan dari kajian ini diharap akan dapat memberikan gambaran yang jelas dan lengkap kepada pihak-pihak yang berkaitan khasnya kerajaan melalui kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung untuk merangka program yang dapat membantu para pekebun kecil sawit di kawasan terbabit secara lebih berkesan dan menyeluruh. Diharapkan juga agar melalui kajian ini bentuk latihan dan kemahiran tambahan serta bantuan sokongan yang diperlukan bagi tujuan peningkatan kelancaran dalam pengurusan penanaman sawit dapat dikenal pasti. Dalam erti kata yang lain, diharapkan agar pihak-pihak yang berkenaan dapat menggunakan maklumat hasil dari kajian ini bukan sahaja untuk mengenalpasti keperluan-keperluan para pekebun kecil

sawit terbabit dalam pengurusan penanaman sawit tetapi juga akan dapat merangka program yang dapat membantu golongan penting dalam sektor pengeluaran sawit negara ini.

Berdasarkan kepada alasan-alasan inilah, maka kajian ini telah dilaksanakan yang mana umumnya bertujuan untuk mengenalpasti keutamaan dan kekangan yang dihadapi oleh para pekebun kecil sawit serta hubungkait antara kedua-dua aspek ini dengan maklumat demografi mereka.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah:

- i. Untuk mengetahui latar belakang atau maklumat demografi dan sosio-ekonomi para pekebun kecil sawit yang terbabit dalam kajian di Daerah Pitas;
- ii. Untuk mengenalpasti aspek-aspek yang menjadi keutamaan para pekebun kecil sawit di Daerah Pitas dalam pengurusan tanaman sawit;
- iii. Untuk mengenalpasti kekangan yang dihadapi oleh para pekebun kecil sawit di Daerah Pitas dalam pengurusan tanaman sawit; dan
- iv. Untuk mengenalpasti hubungan antara latar belakang pekebun kecil sawit dan keutamaan serta kekangan yang dihadapi oleh mereka.

### **1.4 Soalan Kajian**

Kajian ini telah dijalankan berdasarkan beberapa soalan kajian yang dibentuk daripada objektif-objektif kajian seperti berikut:

- i. Apakah latar belakang atau maklumat demografi dan sosio-ekonomi para pekebun kecil sawit yang terbabit dalam kajian di Daerah Pitas? Bagaimanakah latar belakang ini dikaitkan dengan kajian-kajian sebelum ini?
- ii. Apakah aspek-aspek yang menjadi keutamaan para pekebun kecil sawit di Daerah Pitas dalam soal pengurusan tanaman sawit? Adakah aspek-aspek yang menjadi keutamaan mereka bersesuaian dengan kajian-kajian sebelum ini? Apakah yang mempengaruhi tahap keutamaan mereka terhadap aspek-aspek keutamaan yang telah dikenalpasti?
- iii. Apakah kekangan-kekangan yang dihadapi oleh mereka? Adakah kekangan yang dihadapi bersesuaian dengan kajian-kajian sebelum ini? Apakah perkara yang menyebabkan wujudnya kekangan-kekangan tersebut?

iv. Apakah hubungan antara latar belakang pekebun kecil dengan kekangan yang dihadapi oleh mereka? Bagaimanakah hubungan tersebut bersesuaian dengan kajian-kajian sebelum ini? Apakah yang menyebabkan kewujudan hubungan tersebut?



## BAB 2

### ULASAN KEPUSTAKAAN

#### 2.1 Sawit (*Elaeis guineensis*)

Sawit merupakan tanaman yang menghasilkan minyak paling tinggi di dunia, dengan hasil minyak lima hingga 10 kali lebih banyak jika dibandingkan dengan tanaman minyak utama yang lain. Malaysia dan Indonesia merupakan pengeluar utama sawit dunia dan menjadi pembekal kepada negara-negara pengguna utama seperti India, Pakistan dan China. Penghasilan sawit sangat penting secara ekonomi kepada Malaysia dan Indonesia dan juga komuniti luar bandar kedua-dua negara ini. Sawit mewakili 3.2% KDNK Malaysia dan 6% hingga 7% KDNK Indonesia (RSPO, 2011). Bagi Malaysia, dalam suku ketiga Statistik Keluaran Dalam Negara Kasar untuk tahun 2012, pengeluaran minyak sawit telah kembali pulih kepada 1.6% daripada negatif 17.5% pada suku sebelumnya (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012).

Jumlah keluasan tanaman sawit di Malaysia pada tahun 1985 ialah 1.5 juta hektar (ha) dan telah mengalami penambahan keluasan yang tinggi dimana pada tahun 2011, jumlah keluasan sawit di Malaysia adalah 4.917 juta ha (MPOB, 2011). Bagi Negeri Sabah pula, negeri ini mempunyai keluasan penanaman sawit terbesar berbanding negeri lain iaitu seluas 1.36 juta hektar daripada 4.69 juta hektar keluasan di seluruh negara (MPOB, 2009).

Sawit adalah jenis tumbuhan saka yang berasal dari hutan hujan tropika Afrika Barat yang kemudiannya disebar ke Selatan Amerika dan Asia masing-masing pada kurun ke 16 dan 17. Tanaman ini merupakan tanaman yang mempunyai nilai ekonomi yang penting di kawasan Tropika (Anyawu *et al.*, 1982). Sawit berada dalam famili atau keluarga palmae dan sub-famili *cocoideae* (Opeke, 1987). Ia adalah tanaman versatil kerana hampir kesemua bahagian pokok ini sangat berguna dan mempunyai nilai ekonomi. Produk utama yang dihasilkan oleh sawit adalah buah sawit yang



kemudiannya diproses untuk mendapatkan tiga produk komersial. Produk tersebut adalah minyak sawit, minyak isirong dan kek isirong sawit. Kegunaan produk dari sawit sangat banyak dan semakin bertambah dengan peningkatan kemajuan teknologi pemrosesan. Ianya juga merupakan tumbuhan untuk minyak yang paling produktif dan produknya bertaraf tinggi di peringkat dunia (Dimelu dan Anyaiwe, 2011).

Berdasarkan kepada maklumat dari Jabatan Pertanian Sabah, terdapat tiga jenis sawit iaitu, Dura, Tenera dan Pisifera. Jenis sawit yang diusahakan secara komersil adalah jenis Tenera iaitu hibrid baka terpilih daripada spesies Dura dan Pisifera (Jabatan Pertanian Sabah, 1991).

## **2.2 Ciri- ciri Pekebun Kecil Sawit**

Di Malaysia, pekebun kecil sawit adalah pengusaha ladang sawit yang memiliki saiz keluasan kurang dari 100 ekar atau lebih kurang 40.5 hektar (Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah atau RISDA, 2012). Roundtable Sustainable Palm Oil (RSPO) mendefinisikan pekebun kecil sebagai pengusaha yang mengusahakan tanaman berasaskan perusahaan keluarga dan keluasan tanaman kurang daripada 50 ha (Vermeulen dan Goad, 2006). Ciri-ciri lain adalah golongan pekebun kecil sawit terdiri daripada mereka yang agak berumur antara 45-76 tahun (Ismail *et al.*, 2003).

Pekebun kecil adalah golongan yang amat sinonim sebagai golongan yang memerlukan perhatian khusus dalam bidang pertanian dan pembangunan luar bandar (Yuan, 2010). Meningkatkan produktiviti dan sumber ekonomi mereka akan dapat membantu mengurangkan kelaparan dan kemiskinan. Ini dapat dibuktikan dengan kadar penurunan kadar kemiskinan dari 50% kepada 10% di Asia Timur dan 32% di Asia Selatan diantara tahun 1981 dan tahun 2004 (WB, 2007).

Terdapat tiga golongan pekebun kecil sawit yang dikenalpasti walaupun kesemuanya mempunyai satu persamaan iaitu perusahaan mereka berasaskan keluarga dan keluasan ladang yang dimiliki kurang daripada 50 hektar (Vermeulen dan Goad, 2006). Golongan yang pertama adalah pekebun kecil yang mendapat bantuan secara langsung daripada kerajaan ataupun sektor swasta. Golongan yang kedua adalah mereka yang tidak mendapat bantuan dari mana-mana badan kerajaan mahupun swasta dan mengusahakannya sendiri sendiri. Mereka menjual hasil ladang terus kepada kilang kelapa sawit tempatan ataupun melalui orang tengah. Manakala,

bagi golongan yang ketiga, mereka terdiri daripada mereka yang mengusahakan tanaman sawit dengan menyewa tanah yang dimiliki oleh orang lain.

Di Malaysia, sektor sawit mengupah 590,000 buruh termasuk buruh import dari Indonesia dan 35% penghasilan adalah daripada pekebun kecil (NEAC, 2009). Bagi Indonesia pula, pekebun kecil menyumbangkan 45% hasil kepada penghasilan keseluruhan (RSPO, 2011). Ini menunjukkan kepentingan peranan pekebun kecil sawit dalam penghasilan sawit negara dan dunia.

Kajian oleh Soyebó *et al.* (2005) mendapati bahawa majoriti petani berada dalam lingkungan umur yang aktif mereka iaitu antara 31 hingga 60 tahun. Seperti kajian-kajian yang lain, terdapat juga responden perempuan yang terlibat sama dalam kajian tersebut. Ini bermakna golongan wanita turut sama terlibat sebagai pekebun kecil walaupun komposisinya agak kurang jika dibandingkan dengan pekebun kecil lelaki. Soyebó *et al.* (2005) menyatakan bahawa penglibatan wanita sebagai pekebun kecil adalah disebabkan oleh kematian pasangan serta migrasi untuk mendapatkan kawasan ragut yang baru menyebabkan golongan ini terpaksa memikul tanggungjawab sebagai ketua keluarga. Dari sudut taraf perkahwinan, aktiviti pertanian amnya dimonopoli oleh golongan yang sudah berkahwin tetapi bukan duda atau janda. Pengkaji menerangkan bahawa hal ini memang dijangkakan kerana golongan yang berkahwin perlu bekerja untuk menampung keperluan isi rumah mereka. Bagi aspek pengalaman pula, didapati bahawa kebanyakan petani mempunyai 11 hingga 20 tahun pengalaman dalam aktiviti pertanian.

Cramb dan Patrick (2012) menyatakan bahawa dalam kajian yang dilakukan terhadap isi rumah di lima rumah panjang di Sungai Bok, Sarawak pada November 2009, hasil kajian menunjukkan bahawa purata saiz ladang mereka yang menanam sawit adalah 5.4 ha. Purata saiz ladang sawit dalam kajian tersebut sama dengan purata saiz ladang yang didapati dalam kajian Majid *et al.* (2006). Dalam kajian tinjauan isi rumah yang sama, didapati bahawa majoriti daripada mereka telah menjadi pekebun kecil selama 15 hingga 19 tahun. Responden melaporkan bahawa mereka mendapatkan atau membeli benih sawit daripada agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian dan MPOB atau daripada syarikat swasta seperti Sarawak Oil Palm. Pekerja di ladang mereka adalah terdiri daripada ahli keluarga mereka sendiri tetapi terdapat juga pekebun kecil yang mengupah buruh untuk melakukan beberapa jenis pekerjaan seperti membaiki jalan, mengumpulkan tandan sawit, meracun, menebas dan menuai

sawit. Mereka yang mengupah buruh ini mempunyai keluasan ladang sawit yang agak besar.

Kajian lain yang berkaitan dengan kajian ini adalah kajian yang dilakukan oleh Ibitoye *et al.* (2011). Dalam kajian tersebut, majoriti pekebun kecil berumur dalam lingkungan 41 hingga 50 tahun dan antara 51 hingga 60 tahun. Taburan umur ini turut dipersetujui oleh Ekong (2003) dan Solomon (1994). Majoriti petani atau pekebun kecil mempunyai keluasan tanaman kurang daripada 10 ha. Bagi taraf pendidikan sebahagian besar mempunyai taraf pendidikan sehingga ke Institut Pendidikan Tinggi (IPT) dan sekolah menengah.

### **2.3 Sumber Maklumat Tentang Pengurusan Penanaman Sawit**

Untuk menghasilkan satu sistem penanaman sawit yang produktif, aspek seperti sumber pekebun kecil untuk mendapatkan maklumat pengurusan penanaman adalah penting. Seorang pekebun kecil tidak akan dapat memulakan penanaman tanpa mengetahui maklumat pengurusan penanaman yang sewajarnya diamalkan. Sumber maklumat ini juga akan turut mempengaruhi kejayaan mereka dalam menguruskan tanaman sawit untuk mendapatkan hasil yang sepatutnya. Jika tanaman sawit diurus menurut panduan yang telah disediakan oleh pihak yang berkredibiliti tinggi dalam penanaman sawit seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), sepatutnya satu hektar tanaman sawit mampu menghasilkan sebanyak 3.7 tan dalam sebulan, yakni purata penghasilan sawit mengikut kadar (Basiron, 2007).

Beberapa sumber maklumat yang dipercayai menjadi medan bagi para pekebun kecil untuk mendapatkan maklumat mengenai penanaman sawit ialah seperti jiran atau pekebun kecil lain, pusat-pusat penyelidikan, media massa, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Persatuan Pekebun Kecil Sawit, pembekal input pertanian, dan para Juruteknik Pertanian (Dimelu dan Anyaiwe, 2011).

Dalam kajian Ibitoye *et al.* (2011), didapati bahawa sumber maklumat untuk perkhidmatan pembangunan diperolehi daripada beberapa sumber seperti Program Pembangunan Pertanian, diikuti oleh media radio dan jiran. Sumber lain adalah daripada media televisyen, keluarga dan institute penyelidikan. Pengkaji kemudiannya menyimpulkan bahawa sumber utama untuk mendapatkan maklumat adalah Program Pembangunan Pertanian, radio, televisyen dan juga jiran tetangga.

## **2.4 Aspek yang Menjadi Keutamaan Para Pekebun Kecil Sawit Dalam Pengurusan Tanaman Sawit**

Yuan (2010) menyatakan bahawa secara teorinya aktiviti pertanian golongan pekebun kecil akan maju jika keupayaan mereka dapat ditingkatkan dan keadaan mereka dapat diperbaiki. Untuk tujuan tersebut mereka perlukan akses terhadap teknologi dan pengetahuan. Di peringkat awal, perkara yang menjadi keutamaan mereka adalah penambahbaikan atau peningkatan dari sudut agronomi, khidmat agen pengembangan dan sumber benih berkualiti. Yuan (2010) juga menyatakan bahawa untuk memenuhi syarat komponen-komponen pertanian lestari, petani perlu mendapat lebih banyak peluang dan akses terhadap perkhidmatan seperti sumber benih berkualiti dan input pertanian yang lain, pengembangan pertanian, perhubungan, khidmat kewangan seperti kredit dan insurans pertanian, infrastruktur dan akses terhadap pasaran. Birner dan Anderson (2007) juga menyokong pendapat ini dan lebih menekankan mengenai kepentingan khidmat agen pengembangan pertanian.

MPOB adalah antara badan berkaitan yang telah berjaya melaksanakan inisiatif untuk membantu pekebun kecil dengan mewujudkan kelompok pembelian pekebun kecil (KTB) untuk meningkatkan akses pekebun kecil terhadap baja dan kredit (Cramb dan Patrick, 2012). Ini menunjukkan bahawa pekebun kecil memang memerlukan sumber bekalan baja serta input pertanian yang lain.

Dimelu dan Anyaiwe (2011) mendapati bahawa terdapat beberapa aspek yang menjadi keutamaan para pekebun kecil sawit. Dalam kajian tersebut nilai min telah digunakan untuk menyusun kedudukan setiap aspek keutamaan dari kedudukan pertama dan seterusnya. Aspek yang berada di kedudukan pertama ialah mengenai kredit disusuli oleh benih sawit yang sudah diperbaiki, akses terhadap input, ketersediaan kemudahan infrastruktur dan mesin pemprosesan yang berpatutan. Keutamaan lain yang dikenalpasti adalah akses terhadap tanah dan mesin pengeluaran yang cekap. Olagunju (2008) turut mempunyai pandangan yang sama dalam hal ini.

## **2.5 Kekangan-Kekangan yang Dihadapi oleh Para Pekebun Kecil Sawit**

Antara kekangan yang biasa dihadapi adalah kekangan yang berkaitan dengan infrastruktur. Perkara ini akan mempengaruhi sistem penghantaran input-input pertanian kepada pekebun kecil. Contohnya, penghantaran baja kepada petani di

Afrika menghadapi masalah kerana sistem jalan raya yang teruk dan kurangnya maklumat pemasaran (Crawford *et al.*, 2003).

Cramb dan Patrick (2012) menyatakan bahawa melalui kajian tinjauan yang dilaksanakan pada November 2009 di lima rumah panjang Sungai Bok, Sarawak, mereka mendapati bahawa 82% isi rumah menanam sawit kerana tanah yang mereka miliki sesuai untuk tanaman sawit dan kilang sawit juga berada di kawasan berdekatan dan kegiatan tersebut pastinya menguntungkan mereka. Bagi isi rumah yang tidak menanam sawit, mereka memberikan alasan bahawa mereka tidak mempunyai wang untuk membeli benih sawit dan tanah mereka terlalu jauh dari jalan raya. Kajian yang sama juga mendapati majoriti responden masih memiliki tanah yang sesuai untuk tanaman sawit tetapi disebabkan buruh semakin berkurangan dan gaji buruh yang semakin meningkat mereka tidak dapat menambahkan keluasan tanaman mereka. Tambahan pula, modal semakin berkurangan dan menjadi semakin mahal.

Cramb dan Patrick (2012) juga menyatakan bahawa penubuhan KTB adalah lebih efektif kerana ini bukan sahaja meringankan kekangan modal tetapi juga akan membantu menyediakan sumber baja yang lebih mencukupi, menyediakan akses terhadap benih sawit yang berkualiti, menyediakan khidmat nasihat dari sudut teknikal dan mempermudah proses pemasaran hasil tanaman. Pengkaji juga membincangkan mengenai hasil tanaman pekebun kecil. Hasil tanaman pekebun kecil lebih rendah berbanding dengan hasil dari estet.

Menurut Dimelu dan Anyaiwe (2011), terdapat tiga kumpulan atau faktor utama yang menjadi kekangan kepada pekebun kecil sawit iaitu faktor institusi, faktor polisi dan faktor modal. Kekangan yang termasuk dalam faktor institusi ialah kurang berhubung dengan agen pengembangan, masalah kemudahan pengangkutan, kurang kemudahan pemasaran dan masalah pemilikan dan status tanah. Dalam kajian yang lain, dibuktikan bahawa kekangan utama kepada pekebun kecil adalah akses terhadap pasaran yang tidak menentu dan kurangnya pengetahuan teknikal disebabkan oleh khidmat pengembangan yang kurang baik (Pafenfus, 2000).

Kekangan yang tergolong dalam faktor polisi pula adalah kurang sokongan dari kerajaan, kemudahan penyimpanan yang kurang baik dan kekurangan tenaga kerja (Dimelu dan Anyaiwe, 2011). Hal ini turut dipersetujui oleh Kei *et al.* (1997).

Kekangan yang termasuk dalam faktor dana adalah dana yang tidak mencukupi, buruh intensif, gaji buruh yang tinggi dan teknologi pemprosesan yang tidak berpatutan (Dimelu dan Anyaiwe, 2011).

Vermeulen dan Goad (2006) juga mempunyai pendapat yang sama. Laporan mereka dalam *Natural Resources Issues Series* menyenaraikan beberapa aspek kekangan yang dihadapi oleh pekebun kecil dan komunitinya. Aspek-aspek tersebut termasuklah masalah kekurangan modal untuk pelaburan, kurang akses terhadap maklumat yang boleh dipercayai dan tiada perkongsian dalam penambahan nilai lepas tuai.

Ajayi dan Solomon (2010) juga telah membuat kajian yang berkaitan dengan topik ini. Beliau membuat kajian terhadap pengaruh hubungan antara agen pengembangan dan ciri-ciri demografi petani terhadap penerimaan teknologi sawit. Dalam kajian tersebut, aspek-aspek kekangan terhadap penerimaan teknologi baru turut dikaji dan aspek-aspek tersebut hampir sama dengan aspek yang dikaji dalam kajian ini. Kekangan yang dikenalpasti adalah berbentuk kekurangan maklumat, modal, kos input yang tinggi, lawatan agen pengembangan yang tidak konsisten, kekurangan sumber benih sawit berkualiti, pengangkutan serta masalah serangga dan perosak.

Soyebo *et al.* (2005) juga menemui perkara yang hampir sama mengenai masalah yang menjadi penghalang kepada pekebun kecil untuk menanam sawit. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa faktor utama yang menghadkan penanaman sawit adalah masalah tanah, masalah kewangan, masalah cuaca dan tidak mempunyai maklumat dan pengetahuan yang mencukupi tentang penanaman sawit. Terdapat juga responden yang menyatakan bahawa mereka menghadapi masalah untuk mendapatkan sumber benih sawit yang berkualiti dan kurang sokongan dari kerajaan tetapi tidak ada responden yang mempunyai masalah dengan pemasaran dan teknik pemprosesan. Oleh itu, pengkaji membuat kesimpulan bahawa aktiviti pengembangan berada pada tahap minimum di kawasan kajian.

## **2.6 Hubungkait Antara Latar Belakang Pekebun Kecil Sawit dan Kutamaan serta Kekangan yang Dihadapi dalam Pengurusan Tanaman Sawit**

Dalam kajian Banmeke dan Omeregbee (2009), umur, bilangan tanggungan, keluasan ladang dan tahap pendidikan adalah elemen latar belakang pekebun kecil yang telah

dikaji jika mempunyai hubungkait dengan kekangan dalam penanaman getah. Melalui kajian tersebut, didapati bahawa umur, bilangan tanggungan, keluasan ladang dan tahap pendidikan mempunyai hubungan yang negatif dengan kekangan yang dihadapi walaupun bukan hubungan bererti. Ini menunjukkan bahawa pekebun kecil yang masih muda menghadapi lebih banyak kekangan atau lebih mudah terdedah kepada kekangan kerana masih kurang berpengalaman jika dibandingkan dengan pekebun kecil yang sudah berumur. Selain itu, hasil kajian tersebut juga menunjukkan bahawa semakin sedikit bilangan tanggungan semakin banyak kekangan yang dihadapi, semakin kecil keluasan ladang responden semakin banyak kekangan dan semakin rendah tahap pendidikan responden semakin banyak juga kekangan yang dihadapi dalam pengurusan tanaman. Ini kerana responden yang mempunyai bilangan tanggungan yang kecil akan menghadapi kesukaran kerana tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi dalam menguruskan ladang mereka. Bagi pekebun kecil yang mempunyai keluasan ladang yang kecil pula mereka cenderung untuk menghadapi masalah berkaitan kos pembelian input-input baru yang dapat meningkatkan hasil tanaman. Manakala bagi pekebun kecil dengan tahap pendidikan yang rendah pula berhadapan dengan lebih banyak kekangan kerana kekurangan kebolehan untuk memahami maklumat pengurusan tanaman secara tepat.



## RUJUKAN

- Abd. Rahim, M. N. 2009. *Statistical Method in Research*. Malaysia: Prentice Hall
- Abdul Rahim, A. 1992. *An Assessment of Field-Level Extension Agent Inservice Training Needs Related to the Educational Process as Perceived by Extension Personnel in the Sabah State Department of Agriculture, Malaysia*. Doctoral Thesis. Iowa State University
- Adzmi Hassan. 2012. NKEA Sawit Pacu Ekonomi Malaysia. Berita Harian Online, 07 Januari
- Allen, M. J. dan Yen, W. M. 1979. *Introduction to measurement theory*. Monterey: CA Brook Publisher
- Ajayi, M. T. dan Solomon, O. 2010. Influence of Extension Contact and Farmers' Socio-Economic Characteristics on Adoption of Oil Palm Technologies in Aniocha North Local Government, Delta State, Nigeria. *Journal of Agriculture, Science and Technology* Vol.12(2)
- Anyawu, A. C., Anyawu, B.O. dan Anyawu, V.A. 1982. *A Textbook of Agriculture for School Certificate*. 4th Edition, Nsukka, Nigeria: Africana Educational Publishers Ltd
- Banmeke, T. O. A. dan Omoregbee, F. E. 2009. Farmers' Perception of the Factors Militating Against Rubber Production in Edo and Delta States of Nigeria. *International Journal of Agricultural Economics and Rural Development* Vol.2 (2)
- Basiron, Y. 2007. Palm Oil Production Through Sustainable plantations. *Europe Journal Lipid Science Technology* 109: 289-295
- Birner R. dan Anderson, J. R. 2007. How to make agricultural extension demand-driven? The case of India's agricultural extension policy. IFPRI Discussion Paper 00729, Development Strategy and Governance Division, IFPRI
- Bordens, K. S. dan Abbott, B. B. 2006. *Research Design and Methods: A Process Approach*. 6 edition. Ney York: Oxford University Press
- Cramb, R. A. dan Patrick S. S. 2012. Pathway through the Plantation: Oil Palm Smallholders and Livelihood Strategies in Sarawak, Malaysia. Pembentangan di *Persidangan Tahunan AARES ke-56*. February 7-10 2012. Fremantle, Western Australia
- Crawford, E., Kelly, V., Jayne, T. S. dan Howard, J. 2003. Input use and market development in Sub-Saharan Africa: an overview. *Food Policy* 28 (4):277-292
- Dimelu, M. U. dan Anyaiwe, V. 2011. Priorities of Smallholder Oil Palm Producers in Ika Local Government Area of Delta State: Implication for Agricultural Extension Service in Nigeria, *World Journal of Agricultural Sciences* 7 (2): 117-123
- Doraisamy, G. S. 2007. *Hubungan Tekanan Kerja dan Kepuasan Kerja dengan Komitmen Terhadap Organisasi: Satu Kajian di Ib Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia*. Disertasi Ijazah Sarjana Sains. Universiti Utara Malaysia
- Ekong, E. 2003. *An Introduction to Sociology*. Jumak Publication: Ibadan
- Hair, J. F., Money, A. H., Samouel, P. dan Page, M. 2007. *Research Methods for Business*. England: John Wiley & Sons,Ltd
- Ibitoye, O.O., Akinsorotan, A.O., Meludu, N.T. dan Ibitoye, B.O. 2011. Factors Affecting Oil Palm Production in Ondo State of Nigeria. *Journal of Agriculture and Social Research (JASR)* Vol.11(1)
- Ismail, A., Simeh, M. A. dan Noor, M. M. 2003. The production cost of oil palm fresh fruit bunches: The case of independent smallholders in Johor. *Oil Palm Economic Journal* 3 (1) :1-7
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2012. Pertumbuhan Ekonomi: Keluaran Dalam Negeri Kasar Suku Ketiga 2012

- Jabatan Pertanian Sabah. 1991. *A Guide to Oil Palm Plantation*. Diterbitkan oleh Juriji, A. Y: Sabah
- Johnny Majinan. Pengerusi JKK Kg. Kituwo Pitas, Sabah. 30 Julai 2012. Perhubungan peribadi
- Kei, K. M., Mywish, M., dan Duncan, B. 1997. *Transformation versus stagnation in The Oil Palm Industry. A comparison Between Malaysia and Nigeria*. Staff paper 97-5. Department of Agricultural Economics, Michigan State University.pp.19
- Majid Cooke, F., Ngidang, D. dan Selamat, N. 2006. *Learning by Doing: Social Transformation of Small-Holder Oil Palm Economies of Sabah and Sarawak, Malaysia*. Laporan kepada UNESCO, Participatory Programme Research Project No. 27213203 MAL
- Masdin Insiran. Pengerusi JKK Kg. Mempakad Darat Pitas, Sabah. 25 Julai 2012. Perhubungan peribadi
- Mohd. Najib, A. G. 1999. "*Penyelidikan Pendidikar*". Johor: Universiti Teknologi Malaysia
- Mostafa, K., Martin M., dan Harm, B. 2007. Course Experiences and Perceptions of Farmers in Esfahan as a Basis For a Competency Profile of Extension Instructors. *Journal of Agricultural Education* **48(2)**: 79-91
- MPOB. 2009. Malaysia Palm Oil Board
- MPOB. 2011. Oil Palm in Malaysia di [http://www.palmoilworld.org/about\\_malaysian-industry.html](http://www.palmoilworld.org/about_malaysian-industry.html). Akses pada 16 November 2012. Disahkan pada 19 November 2012
- National Economic Advisory Council (NEAC). 2009. New Economic Model for Malaysia Part 1 di [http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/NEM\\_Report\\_I.pdf](http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/NEM_Report_I.pdf). 193pp. Akses pada 16 November 2012. Disahkan pada 19 November 2012
- Norland Tiburg, E. V. 1990. Controlling error in evaluation instruments. *Journal of Extension* **28(2)**
- Nur Hanani Mansur, 2011. Urus kebun tak sempurna jejas hasil. Berita Harian. 1 Oktober
- OAGC. 2007. Section 12: Pre Testing Data Collection Instruments. [http://www.oagbvg.gc.ca/internet/English/meth\\_gde\\_e\\_19734.html](http://www.oagbvg.gc.ca/internet/English/meth_gde_e_19734.html). Akses pada 14 Julai 2012. Disahkan pada 20 September 2012
- Olagunju, F.I. 2008. Economics of Palm Oil Processing in Southeastern Nigeria. *International Journal of Agricultural Economics and Rural Development* **1(2)**: 69-77
- Pafenfus, M. M. 2000. *Investing in Oil Palms: An Analysis of Independent Smallholder Oil Palm Adoption in Sumatra, Indonesia, Southeast Asia*. Policy Research working Paper.pp.19
- Pallant, J. 2011. *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS*. 4<sup>th</sup> edition. Australia: Midland Typesetters
- Pejabat Daerah Pitas. 2010. Keluasan Daerah Pitas di [http://www.sabah.gov.my/pitas/v2/PROFILE\\_%20DAERAH/profil\\_daerah\(2\).htm](http://www.sabah.gov.my/pitas/v2/PROFILE_%20DAERAH/profil_daerah(2).htm). Akses pada 2 september 2011. Disahkan pada 20 September 2012
- RSPO. 2011. Indonesia: Benchmark for Sustainable Oil Palm in Emerging Markets. <http://www.rspo.org/?q=content/indonesia-benchmarksustainable-palm-oil-emerging-markets>. Akses pada 26 November 2012. Disahkan pada 3 Disember 2012
- Rubber Industry Smallholders Authority (RISDA). 2012. Kumpulan Sasar. [http://www.risda.gov.my/web/guest/kumpulan\\_sasar;jsessionid=95986425C6F351715004CC7442824EEB](http://www.risda.gov.my/web/guest/kumpulan_sasar;jsessionid=95986425C6F351715004CC7442824EEB). Akses pada 10 April 2012. Disahkan pada 10 Oktober 2012

- Ruwena Tindik. 2010. *Kajian ke Atas Keperluan-Keperluan Latihan Oleh Para Peserta Skim Penempatan Getah Tulid di Daerah Keningau, Sabah*. Disertasi Sarjana Muda Sains Pertanian. Universiti Malaysia Sabah
- Salim Masuari. Kakitangan Jabatan Pertanian, Daerah Pitas, Sabah. 20 Julai 2012. Perhubungan peribadi
- Schuessler, K. 1971. *Analyzing social data*. Boston: Houghton Mifflin
- Solomon, O. 1994. *Gender Analysis of Oil Palm Production and processing in Okiti-pupa area of Ondo state, Nigeria*. An unpublished MSc Thesis submitted to the Department of Agricultural Extension and Rural Development, University of Ibadan, Ibadan pp52
- Soyebo, K. O., Farinde, A.J., dan Adetayo Dionco, E.D. 2005. Constraints of Oil Palm Production in Ife Central Local Government Area of Osun State, Nigeria. *Journal of Social Sciences* **10(1)**: 55-59
- Synodinos, N. E. 2003. The "art: of questionnaire construction: some important considerations for manufacturing studies. *Integrated Manufacturing Systems*. **14(3)**: 221-237
- Vermeulen, S. dan Goad, N. 2006. *Towards Better Practice in Smallholder Palm Oil Production*. Natural Resource Issues Series No. 5. International Institute for Environment and Development (iied)
- WB. 2007. World Development Indicators 2007. WB
- Yuan, Z. 2010. *Smallholder Agriculture, Sustainability and the Syngenta Foundation*. Syngenta Foundation for Sustainable Agriculture, pg 1-15